

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

PLG 442 - Teori-Teori Personaliti

Masa : [3 jam]

Jawab LIMA daripada soalan-soalan berikut sahaja. Jawapan hendaklah ditulis di dalam Bahasa Malaysia.

1. Dalam konteks Budaya Malaysia, huraikan konsep kerisauan yang pada hemat anda sesuai digunakan dan mudah difahami dan diterima oleh klien, bila merawat kes-kes risau.

(20 markah)

2. Huraikan dengan ringkas, dan contoh jika perlu, EMPAT daripada konsep-konsep berikut:

- 1) "personal unconscious".
- 2) id.
- 3) minat bermasyarakat.
- 4) urusan yang belum selesai.
- 5) sistem kepercayaan yang tidak rasional.
- 6) skrip hidup.
- 7) peneguhan positif.

(20 markah)

3. Dengan contoh yang sesuai, jelaskan apa yang anda faham dengan konsep helah bela diri. Huraikan bagaimana EMPAT jenis helah bela diri yang berlainan digunakan dalam keadaan-keadaan yang berbeza.

(20 markah)

...2/-

4. Seorang murid di dalam kelas anda sering mengganggu pengajaran anda dengan kelakuan-kelakuan yang tidak sesuai. Jelaskan bagaimana kontrak bersyarat (contingency contracting) boleh anda gunakan bagi mengatasi masalah ini. Nyatakan dengan jelas kelakuan yang tidak sesuai dan matlamat yang ingin anda capai. (20 markah)
5. Dengan menggunakan teori penghapusan deria secara bersistem Wolpe, huraikan langkah-langkah yang akan anda ambil bagi mengatasi "fobia lipas" yang dialami oleh murid anda. (20 markah)
6. Apakah yang anda faham dengan EMPAT daripada berikut:
- a) teknik kerusi kosong Perls.
 - b) perkaitan bebas Freud.
 - c) refleksi Carl Rogers.
 - d) analisa perlakuan Eric Berne.
 - e) "time out"
 - f) latihan beristirahat.
- (20 markah)
7. Mengapakah teori psikoanalisa Freud tidak disetujui oleh Carl Jung dan Alfred Adler? Bagi mereka, apakah kelemahan-kelemahan teori itu, dan apakah saranan-saranan baru mereka? (20 markah)